

ANALISA TERGHADAP ADAT DAN KEISTIMEWAAN MASYARAKAT MELANAU DI SARAWAK

**Dr. Tengku Intan Zarina Bt Tengku Puji, Dr. Mazlan Bin Ibrahim, Dr. Zaimuariffudin Shukri
Bin Nordin, Ibtisam Bt Abdullah, Nozira Bt Salleh, Moktar Bin Husain, Munirah Binti Abd
Ghani.**

Dr. Tengku Intan Zarina Bt Tengku Puji
Universiti Kebangsaan Malaysia
tengkuintan97@yahoo.com

ABSTRAK

Melanau merupakan masyarakat etnik di Sarawak yang mempunyai adat dan keistimewaannya. Dalam kehidupan seharian mereka, setiap perbuatan dan tingkah laku mempunyai kepercayaan yang tersendiri termasuklah kepercayaan terhadap alam, asal usul kejadian manusia, cara perubatan dan juga majlis keramaian. Ada pandangan yang menyatakan bahawa alam ini terbahagi kepada tiga iaitu *Langit*, *Tana'* dan *Iyang*. Menurut Moris (1991) pula, alam terbahagi kepada lima belas lapis iaitu tujuh lapis di atas yang dipanggil *likou langit* atau *likou bah-bau*, tujuh lapis di bawah dipanggil *likou bah iba'*, dan lapisan di tengah-tengah pula ialah *likou dagen dua*. Mengenai asal usul kejadian manusia pula masyarakat Melanau mempercayai manusia pertama ialah daripada makhluk yang dikenali sebagai '*Buah*', pergantungan dari sudut perubatan yang sepenuhnya kepada *Bayoh* dan *tow*, penggunaan *Dakan* dalam kehidupan dan sebagainya. Kesemua adat kepercayaan mereka ini diyakini dibantu oleh kuasa ghaib. Selain itu, kertas kerja ini juga membincangkan tentang keistimewaan masyarakat Melanau iaitu bersifat *fluid*, harmoni, mini *United Nation* serta kepimpinan dan intelektual.

Kata Kunci : Kepercayaan, Keistimewaan, Fluid

PENGENALAN

Sarawak Bumi Kenyalang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Bumi Kenyalang sememangnya kaya dengan pelbagai hasil bumi, kehijauan dan masyarakat penduduknya yang pelbagai suku dan etnik. Setiap suku mempunyai keistimewaan dan

warisan budaya masing-masing yang unik. Antara etnik yang terdapat di Sarawak adalah seperti Melayu, Cina, India, Iban, Bidayuh, serta Melanau. Menurut statistik 2010 yang diambil dari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, Melanau merupakan suku kaum kelima terbesar di Sarawak dengan peratusan 5% iaitu sebanyak 123,410 orang daripada keseluruhan 2,471,140 orang. Kebanyakan mereka memeluk agama Islam selain Kristian. Melanau atau *a liko* merupakan salah satu daripada suku kaum bumiputera di Sarawak. Ejaan yang merujuk kepada kaum ini telah banyak kali berubah seperti *Milanowes*, *Milanos*, *Melano* dan kini yang lebih mantap dan diterima umum adalah Melanau. Bagi orang Melanau sendiri, mereka lebih suka menggelarkan kaum mereka sebagai *a liko*. *A liko* boleh ditafsirkan dengan pelbagai makna. *A liko* ada dikatakan merujuk kepada petempatan penduduk. Namun apabila ditinjau secara lebih meluas *a liko* bermaksud “dunia” dan “peribumi”.

Dalam Seminar Budaya Melanau I yang diadakan di Dewan Suarah Mukah pada 25 hingga 27 Julai 1988 telah memberi definisi bahawa orang Melanau ialah kumpulan kaum yang jelas dan konkret bercakap dalam pelbagai dialek Melanau, berkongsi satu adat resam dan budaya serumpun. Melalui seminar itu juga, dapat dikenal pasti sekurang-kurangnya ada enam kumpulan dialek Melanau dan mereka termasuk kumpulan kecil seperti Bliun, Kanowit, Balingian, Orang Miriek, Seduan, Segalang, Rajang, Paloh, Igan, Matu (Matu-Daro), Tatau, Segahan/ Preban, Segan (Bintulu), Siuteng (Mukah), Oya dan Dalat. Setiap etnik yang terdapat di Malaysia mempunyai adat, kepercayaan, sosiobudaya dan keistimewaan yang tersendiri begitu juga dengan etnik Melanau yang dilihat terdapat beberapa keistimewaan yang perlu ditonjolkan. Melalui kertas kerja ini, akan dibincangkan serba sedikit mengenai sejarah, bahasa, adat kepercayaan dan ialah keistimewaan etnik Melanau yang dilihat mempunyai kelainan dari etnik-etnik yang lain.

LATAR BELAKANG MELANAU

Ada beberapa pendangan mengenai asal usil orang Melanau, Moris (1978) mengaitkan orang Melanau sebagai orang Kajang, MacDonald (1958) sebagai orang Kayan manakala Edwards dan Stevens (1971) sebagai orang Kanowit. Dari segi dialek, menurut Aloysius (1997) dialek Melanau ada kala timbul masalah kerana terdapat lima atau enam dialek yang sukar difahami dan menyebabkan memerlukan kepada bantuan medium komunikasi yang lain. Perkara ini perlu dilihat sebagai faktor yang menyatakan di mana kesemua dialek tersebut diketahui dan

dikenal pasti dalam masyarakat itu sendiri. Kepelbagaiannya dialek Melanau itu digunakan secara lazim dalam percakapan tradisional dan mereka menggunakan secara bebas sama ada dalam hiburan dan nyanyian .

Menurut Saiee Driss (1996) perkara yang menarik mengenai masyarakat Melanau ialah wujudnya toleransi dan luasnya konsep identiti yang dipegang mereka sehingga begitu payah sekali untuk mentakrifkan siapa Melanau. Secara tradisi memang ketara identiti dan ciri-ciri Melanau tetapi akibat terlalu mudah menyesuaikan diri dengan suasana dan keadaan, maka batas identiti sekarang tinggal pada amalan dan adat sahaja. Demikianlah antara faktor yang mempengaruhi terhakis identiti. Mereka tidak kekok mengaku Melayu atau diterima sebagai Melayu apabila mereka menganut agama Islam.

ADAT KEPERCAYAAN

Setiap kumpulan kaum etnik walau di mana jua akan mempunyai kepercayaan dan adat masing-masing yang tidak dapat ditinggalkan. Begitu juga dengan etnik Melanau. Satu aspek penting dalam kehidupan seharian suku kaum Melanau ialah sistem kepercayaan yang mengawal dan mempengaruhi cara hidup dan pemikiran seseorang. Dalam mengerjakan tugas-tugas harian, sama ada di dalam atau di luar rumah, seseorang tidak boleh lepas daripada perhitungan tentang kewujudan dunia ghaib. Menurut Yasir Abd Rahman (1987), pada asasnya kepercayaan suku kaum ini bercorak animisme, dan mempercayai bahawa soal-soal penting dalam kehidupan berkaitan dengan kuasa ghaib. Semua fenomena semula jadi yang tidak difahami juga dikatakan bersifat ghaib. Justeru, tidak hairan jika pemikiran seperti ini meresap ke dalam segala bidang kehidupan dan adat resam.

Tidak semua masyarakat etnik Melanau percaya tentang pengaruh animisme ini. Masyarakat Melanau terbahagi kepada tiga golongan berdasarkan kepercayaan atau agama yang dianuti iaitu golongan yang menganuti agama Islam, Kristian dan juga golongan yang masih berpegang dengan kepercayaan lama. Bagi golongan yang masih berpegang dengan kepercayaan lama ini, kebanyakannya mereka mempunyai pegangan dan kepercayaan yang kuat terhadap kuasa ghaib. Dalam masyarakat Melanau Tradisional, sistem kepercayaan yang dipercayai dan diwarisi sejak zaman berzaman banyak mempengaruhi dan mencorakkan amalan seharian mereka. Antara kepercayaan mereka termasuklah dari segi perubatan, pesta keramaian, dan juga kepercayaan mereka terhadap alam.

KEPERCAYAAN TERHADAP ALAM

Persepsi masyarakat etnik Melanau berkaitan alam telah ditemui dalam empat karya iaitu dalam karya Jeniri Amir (1989) , Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi (2001), Hang Tuah Merawin (2000), dan Morris (1991). Perbincangan ini dilihat sama dari segi isu tetapi berbeza dari segi perincian. Menurut Jeniri Amir (1989) dalam artikelnya bahawa, dalam kepercayaan masyarakat Melanau Tradisional, dunia ini mempunyai tiga lapis iaitu, atas, pertengahan dan bawah tanah. Dalam karya Hang Tuah Merawin (2000) beliau memperincikan lagi dengan menamakan tiga lapisan atau wilayah tersebut sebagai *Langit*, *Tana'* dan *Iyang*. *Langit* merupakan zon awang-awangan yang dikenali juga sebagai wilayah kayangan. *Tana'* ialah zon daratan, bumi atau alam fizikal (terrestrial) yang boleh dipijak, dilihat dan dirasa dengan pancaindera manusia biasa. *Tana'* ialah wilayah yang fana bagi manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. *Iyang* pula ialah alam akuatik atau wilayah akuatik atau wilayah dalam air di bawah zon bumi.

Kenyataan bahawa dunia ini terbahagi kepada tiga zon ini juga turut dinyatakan oleh Morris (1991) dalam bukunya bertajuk “The Oya Melanau” bahawa, dunia Melanau mempunyai lima belas lapis iaitu tujuh lapis di atas yang dipanggil *likou langit* atau *likou bah- bau*, tujuh lapis di bawah dipanggil *likou bah iba'*, dan lapisan di tengah-tengah pula ialah *likou dagen dua* iaitu bumi yang didiami oleh manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. *Likou dagen dua* ini turut didiami oleh makhluk-makhluk Tuhan yang lain. Lapisan ini mempunyai sempadan-sempadan tertentu walaupun hanya terdiri daripada satu lapisan. Sempadan itulah yang menjadi pemisah kawasan antara penghuninya. *Likou bah iba'* pula, dikatakan lapisan pertama yang paling dekat dengan bumi ialah *liko pengamew*, diikuti dengan *liko kulum*, *liko belangan*, *liko yang*, *liko jin*, *liko raja jin* dan lapisan paling bawah ialah *liko baliw*. Tujuh lapisan di atas pula, pada lapisan kelima hingga ketujuh didiami oleh *jin*, lapisan keempat *liko dewa-dewa*, lapisan ketiga *liko naradin* dan lapisan yang pertama di didiami oleh *liko baliwan*.

Dalam kepercayaan Melanau Tradisional wujud kuasa ghaib yang dipanggil sebagai *Ipo'* (juga disebut *Ipu'* dan *Ipuk*) dipercayai menguasai semangat pada benda-benda sama ada yang bernyawa mahupun yang tidak bernyawa. Sistem kepercayaan ini pada hakikatnya bertujuan mensejahterakan kehidupan dan untuk mengelakkan mereka daripada perkara yang

tidak diingini. Hal ini disebabkan kepercayaan mereka dikaitkan dengan kuasa ghaib dan kuasa yang luar biasa di luar daripada kawalan manusia. Menurut Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi (2001), setiap *Ipo'* mempunyai kuasa mutlak ke atas domain yang didiami dan dikuasainya. Bidang kuasa ini berbeza dari satu *Ipo'* ke satu *Ipo'* yang lain bergantung kepada kebesaran dan kepentingan domainnya dalam kosmos. Taraf dan kebesaran kuasa *Ipo'-Ipo'* ini wujud dalam satu hierarki. Contohnya *Ipo'-Ipo'* yang menguasai tiga zon dunia iaitu *Ipo' Langit* (Dewa Langit), *Ipo' Tanah* (Dewa Bumi) dan *Ipo' Iyang* (Dewa Air) mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada *Ipo'-Ipo'* yang lain seperti *Ipo' Daat* (Dewa Lautan), *Ipo' Kala* (Dewa Muara), *Ipo' Guun – Ipo' Alan* (Dewa Hutan Belantara), *Ipo' 'Uma* (Dewa Huma), *Ipo' Lebo'* (Dewa Rumah), *Ipo' Bekaan* (Dewa Perkakas), *Ipo' Nase'* (Dewa Nasi) dan sebagainya.

Antara semua *Ipo' - Ipo'* yang wujud ini, *Ipo'* yang dianggap sebagai Maha Agung ialah *Ipo' Langit*. Ianya bukan sahaja kerana keluasan dan kedudukan domainnya yang teratas tetapi juga merupakan satu sempadan yang penuh misteri pada manusia. *Ipo' Langit* boleh menyebabkan bencana alam yang amat teruk seperti *buan* (ribut taufan) dan *baliew* (banjir). Ia juga mempunyai kuasa untuk menjadikan sesuatu makhluk termasuk manusia menjadi batu melalui bencana *buan* dan *baliew* apabila ia murka atau terkilan disebabkan oleh pelanggaran sesuatu pantang larang atau lantaran perbuatan manusia yang bertentangan dengan lahiriah.

Pada umumnya *Ipo'-Ipo'* ini bersifat pengampun dan penyayang. Hanya apabila domainnya dicerobohi atau pantang larangnya dilanggar barulah mereka naik marah dan menyebabkan pelbagai padah kepada manusia. Oleh yang demikian, sebelum seseorang melakukan sesuatu yang difikirkan boleh menyinggung atau menyebabkan kemarahan *Ipo'-Ipo'* itu, dia hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada *Ipo'* berkenaan dengan menyatakan niatnya dan jika perlu memberi semahan kepada *Ipo'* tersebut. Jika sesuatu perbuatan tersebut telah mendatangkan kemurkaan *Ipo'*, maka seseorang itu perlu mempersebahkan semah (propitiation) dan meminta ampun daripada *Ipo'* itu. Menurut Amran & Hamidah (1993) juga adat menyemah yang dilakukan oleh masyarakat Melanau Tradisional ini adalah bertujuan untuk memberi hadiah atau penghormatan kepada hantu atau semangat. Dengan mengadakan upacara ini, diharapkan bencana dapat dihindari.

Selain daripada kepercayaan kewujudan *Ipo'*, masyarakat etnik Melanau juga mempercayai kewujudan makhluk ghaib yang lain. Dari segi amalan, kepercayaan tersebut meliputi penggunaan bomoh sebagai perantara di antara dunia ghaib dan dunia realiti dan kepercayaan yang meliputi keturunan sesebuah keluarga (family cult). Dunia ghaib termasuk dunia mati mempunyai makhluk halus yang pelbagai jenis dan taraf, contohnya *duhig*, *amow*, *tow* dan *jin*.

Menurut Hang Tuah Merawin (2000) masyarakat etnik Melanau tradisional percaya tentang kewujudan kuasa ghaib lain yang bersifat jahat. Kuasa ghaib jenis ini digelar *tow* dan boleh disamakan dengan iblis dan syaitan dalam korpus kepercayaan orang Melayu. *Tow* terdapat dalam berbagai-bagi jenis dan nama tetapi tiada satu pun yang bersifat baik. Ia sentiasa mencari kesempatan daripada kelemahan dan kesilapan manusia untuk menyebabkan penyakit dan menimbulkan kacau bilau.

Selain daripada *tow*, terdapat juga makhluk metafizikal seperti *amow* (hantu). *Amow* ini dipercayai jelmaan ketidaksempurnaan dalam upacara pengebumiannya atau atas sebab perbuatan yang tidak baik semasa hayatnya. Bagaimanapun, *amow* biasanya tidak berniat jahat seperti *tow*, cuma bertujuan untuk mengilai dan menakutkan atau untuk mengingati orang yang masih hidup bahawa ada yang tidak kena dengan kematiannya atau ada perkara yang belum sempurna dengan upacara pengebumiannya.

ASAL USUL KEJADIAN MANUSIA

Terdapat banyak kepercayaan tradisional etnik Melanau sama ada berkaitan dengan manusia, corak kehidupan, adat istiadat dan perayaan. Artikel ini hanya membincangkan tiga tema mengenai kepercayaan tradisional masyarakat Melanau iaitu asal usul makhluk, perubatan tradisional dan Pesta Kaul. Masyarakat etnik Melanau juga mempercayai alam dan pelbagai jenis makhluk termasuk manusia dicipta oleh Allah Ta'ala atau disebut Alaataala' dalam istilah Melanau. Namun istilah Alaatacala dalam kepercayaan Melanau berbeza dengan Allah dalam Islam. Menurut pandangan Dzilfawati Haji Hassan (2006) istilah ini mungkin diambil daripada Islam kerana proses perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan percampuran dengan orang Islam.

Menurut beliau masyarakat etnik Malanau mempercayai asalnya Alataala' menjadikan manusia daripada tanah. Makhluk yang pertama diciptakan itu bernama *Buah*

sebagai pesuruhNya. Menurut asal cerita *Buah* diturunkan ke bumi dan tinggal di hulu Sungai Mukah di tempat yang bernama Sungai *Buah*. *Buah* mempunyai seorang isteri dan anak. Suatu hari, anaknya bermain-main di dalam sumpitannya lalu terperangkap di situ. Pada waktu senja *Buah* mengambil sumpitnya bagi tujuan membersihkannya tanpa menyedari anaknya berada di dalam sumpit tersebut. Dia menilik ke dalam lubang sumpitnya itu dan melihat ada makhluk kecil di dalamnya dan menganggap makhluk tersebut adalah angkut-angkut, sejenis binatang dan dia tidak tahu itu ialah anaknya. Melihat ada ‘binatang’ di dalam sumpitnya, *Buah* menghalakan sumpitnya ke arah matahari terbenam lalu menyumpitnya. Pada malam itu, *Buah* dan isterinya bermimpi anaknya datang dan memberitahu bahawa sebenarnya dialah yang disumpitnya oleh ayahnya. Jika mahu dia kembali, ibu bapanya perlu menetak sebuah batu yang berada di tengah-tengah hulu Sungai Mukah. *Buah* dan isterinya mengikut syarat anaknya itu tetapi mereka gagal. Akhirnya *Buah* dan isterinya telah menjadi batu dan dipaksa tinggal bersama-sama anaknya yang telah berada di *likow a-matai* (dunia kematian). Mereka tidak dibenarkan kembali ke dunia oleh Alataala’ dan mereka dikatakan menjadi penunggu di alam akhirat.

PERUBATAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELANAU

Kepercayaan umum di kalangan masyarakat Melanau ialah jika sesuatu ubat tidak dapat menyembuh penyakit, maka penyakit itu adalah disebabkan oleh makhluk halus atau kuasa ghaib. Bomoh yang handal dipanggil sebagai *a-bayoh* yang bertindak sebagai perantara dengan kuasa ghaib dalam usaha menyembuhkan penyakit. Menurut kebiasaan, mengubati penyakit dengan menggunakan *a-bayoh* hanya dilakukan apabila cara-cara lain sudah gagal atau tidak boleh dilakukan. Apabila cara-cara lain sudah gagal, upacara *be-bayoh* akan diadakan. Jika usaha ini juga gagal, sebagai langkah terakhir, upacara pengubatan yang paling tinggi iaitu *payun* dilakukan. Jika tidak sembah juga, harapan untuk sembah dianggap tipis. Dalam proses mengendalikannya kerana kebolehan mereka menghubungi dan menggunakan kuasa ghaib *tow* dan sebagainya. Setiap *a-bayoh* akan dibantu dengan *tow-tow* yang tertentu bagi menolong *a-bayoh* mengenal pasti asal-usul penyakit yang dihadapi oleh pesakit.

Menurut Amran & Hamidah (1993) dalam karya mereka bertajuk “Adat Resam” telah mengemukakan beberapa cara pengubatan tradisional yang biasa dilakukan oleh masyarakat Melanau. Kenyataan ini juga turut disebut di dalam karya Yassir (1987).

i. Memaku

Memaku adalah cara pengubatan yang paling mudah kerana hanya menggunakan paku. Cara ini diamalkan bagi penyakit seperti sakit gigi yang amat bisa. Gigi yang sakit akan disentuh tiga kali dengan sebatang paku kecil diikuti dengan pemujaan tertentu. Seterusnya paku itu akan ditukul ke atas sebatang tiang, dan dikatakan bahawa sakit itu akan terus hilang.

ii. Pengasapan

Cara ini digunakan terutama sekali bagi kanak-kanak yang selalu menangis bagi tempoh yang lama tanpa henti. Cara perubatannya ialah menggunakan sabut kelapa, arang dan kemenyan yang dinyalakan dalam bekas tertentu dan ditiuup supaya kuat berasap. Bekas yang berasap itu akan dibawa di sekeliling katil kanak-kanak tersebut oleh bomoh dengan membaca mantera-mantera tertentu bagi menghalau hantu-hantu yang mengacau anak itu. Selepas itu barang-barang yang dinyalakan itu dibuang ke luar jendela.

Pengasapan juga digunakan untuk mengubat orang yang sering tidak sedarkan diri. Caranya ialah dengan mengambil sarang labah-labah dari lelangit rumah, bekas penyapu dan segenggam daun atap diletakkan di dalam tempurung untuk dinyalakan. Pesakit akan dibaringkan dekat dengan sehelai kain hitam. Kemudian bomoh akan membacakan mantera dengan menyeru nama-nama *tow* yang dipercayai menyakiti pesakit tersebut agar berhenti daripada mengacau pesakit lagi. Kepentingan terletak pada perbuatan mengipas asap itu pada kadar tertentu ke atas badan pesakit dan juga penyalaan sarang labah-labah kerana *tow-tow* dipercayai bergantung dari situ. Selepas asap dikipas dengan kain hitam pada kali terakhir, barang-barang yang dinyalakan dibuang di satu sudut bilik.

iii. Baguda'

Cara ini digunakan oleh *a-bayoh* kerana mereka boleh menggunakan bahasa sukat untuk menghalau *tow-tow*. Caranya pesakit itu akan ditilik oleh *a-bayoh* dengan menggunakan lilin yang dipanggil pesilok. Kemudian kemenyan akan dinyalakan dan asapnya akan digunakan oleh *a-bayoh* dan digosok pada badan pesakit. Jika tilikan *a-bayoh* itu betul badan pesakit akan menggigil setiap kali asap kemenyan digosok pada badannya maka ini bermakna pemujaan *a-bayoh* berkesan terhadap pesakit itu dan kemenyan itu terus digosok pada badan pesakit sehingga pesakit itu tidak menggigil lagi.

iv. Menggunakan *Dakan*

Menurut Jeniri, Rosline & Rudi (2007) cara pengubatan ini menggunakan patung-patung *tow* tertentu. *Dakan*, merupakan patung yang diukir daripada dahan pokok rumbia oleh pakar dalam bidang ini. Orang yang mengamalkan cara ini tidak semestinya *a-bayoh* atau bomoh. Kebolehan mengukir *dakan* dan mengetahui penyakit yang dapat diubati itu akan diperturunkan secara ajaib melalui mimpi. Mereka boleh mengetahui penyakit yang disebabkan *tow-tow* dan menentukan jenis *dakan* yang sesuai untuk digunakan bagi menyembuhkannya. Antara *tow* yang sering menyebabkan penyakit adalah seperti berikut:

- a. *Anea' Jejah* - demam panas yang boleh menyebabkan seseorang hilang ingatan dan akhirnya gila.
- b. *Gelap Da-at* - pening kuat dan pengsan bagi seseorang yang baru pulang dari laut.
- c. *Gelap Gu-un* - sakit kepala yang biasa
- d. *Putih Anea'* - menyebabkan tubuh lelaki gatal dan perempuan hamil tumpah darah secara mengejut.
- e. *Pulun* - berjalan tanpa sedar semasa tidur

PESTA KERAMAIAN MASYARAKAT MELANAU

Antara lain kepercayaan masyarakat etnik Melanau terhadap kuasa ghaib yang perlu dipuja dalam pesta-pesta keramaian termasuklah perayaan Kaul. Menurut Jeniri & Awang Azman (2001) perayaan ini merupakan suatu acara tahunan yang diraikan oleh komuniti Melanau. Kaul merupakan satu daripada adat paling lama yang masih diamalkan. Perayaan ini amat penting pada masa dahulu dari segi kepercayaan Melanau. Perayaan ini merupakan penyembahan terhadap makhluk halus iaitu *ipok* kala. Kala dalam dialek Melanau bermaksud muara sungai manakala *ipok* kala bermaksud kuasa ghaib yang menguasai tempat itu. Perayaan *kaul* ini diadakan di sebelah kanan muara sungai kerana tempat itu dianggap penting disebabkan pertemuan di antara darat, laut dan sungai iaitu tempat semula jadi yang penting dalam kegiatan ekonomi kaum ini. *Ipok* kala dianggap sebagai kuasa ghaib yang amat

kuat. Semasa meraikan upacara *kaul*, doa ditujukan kepada *ipok* ini supaya mewujudkan kedamaian dan meningkatkan hasil tangkapan atau tuaian pada tahun yang akan datang.

Upacara *kaul* ini diadakan tiap-tiap tahun pada bulan Mac iaitu selepas musim landas. Masyarakat Melanau tradisional di Mukah menggunakan takwim yang berdasarkan peredaran bulan. Satu ‘tahun’ dalam takwim ini mempunyai dua belas unit yang dikenali sebagai bulan. Bulan pertama dalam pusingan tahunan ini digelar bulan *pengejin* dan upacara *kaul* diadakan pada bulan ini.

Persediaan untuk upacara dibuat lebih awal oleh orang ramai termasuk menyediakan barang makanan tertentu untuk dipersembahkan dan juga talam-talam untuk meletakkan jamuan ini. Talam dibuat daripada daun nipah. Benda ini dinamakan *serahang* yang dihiaskan dengan bendera kecil (mengikut pangkat seseorang itu), burung dan sebagainya. Antara lauk yang perlu disediakan ialah *papit* (nasi pulut yang dimasak dalam daun), belen (sirih pinang) dan apung (rokok daun).

Pada hari perayaan itu *sarahang-sarahang* itu akan didirikan di sekitar muara sungai dan barang makanan dihidangkan di dalam talam itu. Seterusnya, bapak *kaul* akan menaburkan beras kuning di sekeliling makanan tersebut dan menjemput *ipok* kala memakan jamuan yang disediakan. Seterusnya bapak *kaul* membacakan doa yang dituju kepada *ipok* kala supaya memberi rezeki yang banyak pada tahun yang akan datang. Apabila upacara membaca doa itu selesai, acara hiburan seperti pertunjukan panca silat atau *kutaw*, lumba perahu dan sebagainya. Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam perayaan ini digalakkan berkongsi makanan yang dibawa kerana dipercayai perkara ini amat disukai oleh *ipok* kala yang akan menambahkan lagi rezeki kepada komuniti itu.

KEISTIMEWAAN ETNIK MELANAU

Menurut Zaini Ozea (1989) antara kaum-kaum di Sarawak, kaum Melanau yang paling banyak mengalami pertembungan dan asimilasi sosiobudaya dan ini menjadikannya sebagai kumpulan yang bukan sahaja paling menarik tetapi juga paling segera untuk dikaji.

1. Bersifat *fluid*

Menurut Zaini Ozea (1998) masyarakat Melanau disifatkan sebagai masyarakat yang begitu *fluid* dan mudah terserap ke dalam masyarakat. Namun mereka masih mengekekalkan identiti Melanau walaupun terdapat gejala kehilangan tertentu dari segi amalan budaya. Menurut Mohd. Yaakub (1982) pula, ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya *fluidity* itu, antaranya perubahan penempatan, penyerapan melalui kahwin campur, dan agama. Bagaimanapun, Zaini menganggap dalam keadaan sekarang faktor pendidikan, media massa, kemudahan komunikasi, dan pengangkutan sebagai kesan daripada kemodenan harus dianggap penting dalam mempengaruhi perubahan budaya dalam masyarakat Melanau. Pandangan ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Saiee Driss (1996) yang menyatakan bahawa Melanau adalah satu-satunya kaum di Sarawak yang boleh menerima kepelbagaian agama dalam ahli keluarga tanpa menghadapi sebarang masalah. Bukan satu kepelikan dalam satu keluarga ada orang alim tetapi terdiri daripada pelbagai agama, atau ada yang masih pagan (tanpa agama) namun mereka boleh hidup dalam keadaan yang aman.

2. Bersifat muhibah

Etnik Melanau merupakan komuniti yang mempunyai sifat muhibah dan ini jelas ketara ketika keramaian dan perayaan agama. Semasa perayaan agama tertentu, sama ada Hari Raya, Krismas, Hari Gawai atau Tahun Baru Cina, orang Melanau dari kampung-kampung atau rumah panjang yang berbeza akan melawat rakan masing-masing. Amalan ini bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian.

3. Bersifat mini *United Nation*

Antara faktor tradisional yang menarik ialah meskipun dalam keramaian yang penting atau majlis besar-besaran dalam masyarakat Kristian atau Melanau *likow* ahli agama Muslim Melanau diminta untuk melakukan penyembelihan ayam, lembu dan kerbau. Hakikat ini menunjukkan suatu penghormatan terhadap tetamu Muslim yang memerlukan kepada makanan halal. Hakikat ini menunjukkan wujudnya mini *United Nation* yang saling meraikan, saling berkongsi, mempunyai gaya toleransi, kebijakan dan layanan yang unik.

4. Daya kepimpinan dan intelektual

Menurut Saiee Driss (1996) dalam artikelnya mengatakan satu kekuatan yang tidak boleh dinafikan dalam masyarakat Melanau ialah daya kepimpinan dan intelektual. Ramai intelek dan pemimpin ekonomi, sosial dan budaya di Sarawak berketurunan Melanau walaupun ada sebahagiannya sudah serasi dan diterima sebagai orang Melayu tanpa banyak

masalah. Menurut Jeniri Amir (2000) ramai di kalangan Melanau yang telah berjaya dan menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang. Mereka telah mencipta nama dalam bidang masing-masing, malah ada yang sudah muncul sebagai ahli politik seperti Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud tokoh yang dikenali ramai. Beliau adalah Mantan Ketua Menteri Sarawak yang keempat dan juga Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak yang ke-7. Beliau juga adalah Mantan Menteri Kewangan dan Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber Negeri, juga adalah Mantan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), parti komponen Barisan Nasional. Selain itu, YB Datuk Abdul Wahab Dolah yang berketurunan Melanau juga merupakan ahli politik Malaysia. Beliau kini adalah seorang Ahli Parlimen Malaysia bagi kerusi kawasan Igan di Sarawak, mewakili Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dari gabungan Barisan Nasional. Kenyataan yang dipetik daripada Utusan bertarikh 3 Mac 2004 menyatakan bahawa sebelum dipilih ke Parlimen Malaysia, Wahab telah aktif di dalam politik negeri Sarawak, berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi kawasan Matu Daro dari tahun 1983, dan sebagai anggota kabinet negeri Sarawak. Selain itu, menurut Jeniri (2000) tokoh ahli akademik juga ramai di kalangan Melanau antaranya Dr. Abdul Rashid Abdullah, Dr. Yusuf Hadi, Dr. Sulaiman Hanafi dan banyak lagi.

KESIMPULAN

Berdasarkan keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa masyarakat etnik Melanau mempunyai adat kepercayaan tersendiri termasuk kepercayaan terhadap alam, asal usul makhluk, cara perubatan dan juga cara keramaian. Etnik ini juga mempunyai keistimewaan yang tertentu dan menarik untuk dikaji secara mendalam.

RUJUKAN

- Aloysius J. Dris. (1997). An Overview: The Cultural Future Of The Melanau Community. *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XLVII. Special Issue No.5. Part II. Malay and Melanau Cultural Heritage Seminars II, 1993. Kuching: The Museum
- Amran Abdullah & Hamidah Husain. 1993. *Adat resam: Siri mengenal Sarawak*. Kuching: Pisma.
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2011. Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak.
- Edwards, L. & Stevens, Peter W. 1971. Short Histories of The Lawas and Kanowit Districts. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Ethical Values of Sarawak's Ethnic Groups. 2000. Kuching: Ministry of Social Development and Urbanization
- Ethical Values of Sarawak's Ethnic Groups. 2000. Kuching: Ministry of Social Development and Urbanization
- Hang Tuah Merawin. (2000). *Ethical Values Of Sarawak's Ethnic Group: Pandangan Dunia Melanau Tradisional*. Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau Sarawak: Kuching
- Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi. 2001. *Kaul: Suatu Interpretasi Sosiobudaya*. Kuching: Massa Kasturi Management.
- Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi. 2001. *Kaul: Suatu Interpretasi Sosiobudaya*. Kuching: Massa Kasturi Management.
- Jeniri Amir, Rosline Sandal & Rudi Affendi Khalik. 2007. *The Sarawakiana Series Culture & Heritage. Dakan: The Diminishing Medium of Melanau Tradisional Healing*. Kuching:Pustaka Negeri Sarawak.
- Jeniri Amir. 1989. *Adat Resam Kaum Melanau*. *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL. Special Issue No.4. Part II. Desember 1989.
- MacDonald, Malcolm. 1958. Boerne People. London
- Moris, H.S. 1978. The Coastal Melanau. Essays On Borneo Societies, ed. Victor T. King, 37-58. Oxford: Oxford University Press

- Saiee Driss. 1996. *Wawasan Melanau. Wajah Dan Identiti Melanau*. Kuching: Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau dan Persatuan Melanau Sarawak.
- Stephen Morris. (1991). *The Oya Melanau*. Malaysian Historical Society(Sarawak Branch) Utusan, 3 March 2004
- Yasir Abdul Rahman. 1987. *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.
- Zaini Bin Oje @ Ozea. 1997. Bahasa Melanau Dalam Konteks Perubahan Budaya. *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XLVII. Special Issue No.5. Part II. Malay and Melanau Cultural Heritage Seminars II, 1993. Kuching: The Museum.
- Zaini Ozea. 1989. Bahasa Melanau: Suatu Tanggapan Awal. *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL. Special Issue No.4. Part II. Desember 1989. Kuching: The Museum